

MSWG

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Bajet 2014 akan dibentangkan pada 25 Oktober 2013. Banyak jangkaan dan aspirasi mengenai perincian isi kandungan bajet ini dinanti-nantikan selepas Fitch Ratings menurunkan taraf unjuran kredit Malaysia kepada negatif baru-baru ini.

Oleh itu, Bajet ini sangat penting kerana ianya diharapkan akan dapat menangani isu defisit fiskal negara dan mengurangkan lebihan akaun semasa.

Antara langkah-langkah utama dijangka akan bertumpu kepada bagaimana untuk meningkatkan penjanaan perolehan, termasuklah pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Pada jangkaan kami GST mungkin akan dikuatkuasakan pada tahun 2014 atau 2015 pada kadar yang berpatutan.

Malaysia merupakan antara beberapa negara di dunia yang masih belum menguatkuasakan GST (lebih daripada 160 negara di seluruh dunia sudah memperkenalkan cukai tersebut dan lebih daripada 90% daripada negara di seluruh dunia mempunyai pendedahan kepada GST meskipun dalam bentuk yang berbeza), jadi sudah tiba masanya bagi Malaysia untuk melaksanakan GST bagi memperluaskan asas percukaianya.

Tetapi pada masa yang sama, masih terdapat ruang untuk memperbaiki pengurusan modal insan dalam sektor awam yang mewakili 4.7% daripada jumlah penduduk berbanding Singapura, Indonesia dan Thailand, di mana semuanya berada di bawah 2%. Nisbah ini telah dilaporkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* sebagai yang tertinggi di dalam seluruh rantau Asia Pasifik.

Kami berharap isu-isu ini akan ditangani di dalam Bajet 2014, dan juga pada masa yang sama mengurangkan kos.

Minggu lalu juga menyaksikan dua acara penting bagi pasaran modal telah diadakan di Kuala Lumpur iaitu Persidangan Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan Antarabangsa Ke-5 (IFCTF 2013) dan Simposium Pasaran Modal Dunia. Banyak perkembangan penting dan isu-isu terkini telah dibincangkan di dalam kedua-dua acara tersebut. Antara perkara-perkara penting yang menarik perhatian adalah sokongan yang jelas dan padu bagi penubuhan sebuah institusi di Malaysia yang berperanan seperti *National Fraud Authority (NFA)* di *United Kingdom*, dan pengiktirafan oleh Perdana Menteri bahawa

pasaran modal boleh memainkan peranan yang sangat penting berdasarkan pengalaman Malaysia di mana kesan positif daripada pasaran yang diselia dengan baik telah membawa kepada transformasi ekonomi dan masyarakat.

Selaras dengan pasaran modal yang semakin matang dan kedudukan Malaysia yang semakin menonjol di dalam landskap perbankan Asia, keperluan untuk rangka kerja kawal selia yang lebih kukuh bagi mengawalselia sektor kewangan yang kini lebih kompleks menjadi lebih penting.

Saya juga ingin berkongsi sedikit pandangan selepas menghadiri Simposium Pasaran Modal Dunia tersebut di mana antara topik yang telah dibincangkan yang telah menarik perhatian saya adalah mengenai integrasi ASEAN. Pada pendapat saya, perkara pertama yang perlu diharmonisasikan adalah undang-undang di negara-negara ASEAN selain daripada amalan tadbir urus korporat. Perbezaan undang-undang di setiap negara boleh menimbulkan kesukaran termasuklah perbezaan struktur korporat di setiap negara. Sebagai contoh, Indonesia mempunyai struktur lembaga pengarah dua peringkat manakala Malaysia dan Singapura hanya mempunyai satu peringkat. Proses harmonisasi boleh dilakukan bagi amalan-amalan terbaik tadbir urus korporat, seperti yang kini dilakukan oleh ACMF. Selain itu, isu percukaian juga perlu ditangani dengan segera. Hanya setelah peraturan-peraturan dan amalan-amalan dapat difahami dengan jelas oleh semua pihak, barulah perdagangan antara negara-negara ASEAN boleh dilakukan dengan mudah. Ini merupakan cabaran-cabaran utama dan cita-cita untuk mencapai sasaran tersebut pada tahun 2015 mungkin terlalu optimistik. Namun, rantau ini merupakan blok ekonomi yang berpotensi tinggi untuk diperkembangkan.

Menyentuh perkembangan antarabangsa, JP Morgan telah didenda sebanyak \$13 bilion oleh pihak kawal selia Amerika Syarikat bagi menyelesaikan tuntutan bagi isu hutang gadai janji.

Jumlah penyelesaian ini merupakan jumlah terbesar yang pernah dibayar oleh sebuah syarikat AS kepada kerajaan AS. Namun JP Morgan masih terdedah kepada tuntutan jenayah memandangkan denda tersebut hanya merupakan penyelesaian terhadap tuntutan sivil.

Salam,

Rita

MAJLIS ANUGERAH TADBIR URUS KORPORAT TAHUNAN MSWG 2013 - NANTIKAN TARIKH INI: 16 DISEMBER 2013

Majlis Anugerah Tadbir Urus Korporat Tahunan MSWG 2013 akan diadakan pada **16 Disember 2013** di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur (*sila ambil perhatian mengenai perubahan tarikh daripada 12 Disember 2013 yang dinyatakan di dalam surat berita sebelum ini kepada 16 Disember 2013*).

CEO/ MSWG DI DALAM BERITA

IPOs draw positive response

<http://www.btimes.com.my/articles/ritta/Article/>

IPOs: Where's the fairness and the spread? (KiniBiz)

<http://www.kinibiz.com/story/tigertalk/53413/ipos-where%E2%80%99s-the-fairness-and-the-spread.html>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat yinodth.ram@mswg.org.my

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.
